



Selamat Datang  
Ke Laman Portal  
Universiti Putra Malaysia

UTAMA | FAKTA & ANGKA | DIREKTORI KAKITANGAN | LOKASI | PETA LAMAN | SOALAN LAZIM | HUBUNGI KAMI

CARI



Isnin, Disember 05, 2016

MENGENAI KAMI

PENYELIDIKAN

AKADEMIK

JARINGAN

ANTARABANGSA

KEHIDUPAN KAMPUS

PERKHIDMATAN



| A- | A | A+ | EN | RU | AR

**BERITA »**

### **"Planting Is Fun" pupuk sifat sayangkan pokok di kalangan kanak-kanak**

Oleh Azman Zakaria



**KAJANG, 25 Nov** - Fakulti Perhutanan Universiti Putra Malaysia (UPM) mengadakan program khidmat masyarakat "Planting Is Fun" di Tadika Q-dees Hillpark di sini, bertujuan memupuk sifat sayangkan pokok di kalangan kanak-kanak tadika berumur empat hingga enam tahun.

Program di bawah bimbingan Prof. Madya Dr. Rozi Mohamed itu dilaksanakan oleh 12 pelajar Fakulti Perhutanan UPM.

Kanak-kanak tadika itu diberi penerangan cara menanam pokok dengan betul.

Sebanyak 10 jenis pokok termasuk merawan siput jantan, karas, jambu madu, meranti daun besar, lengkuas padi, serta gandar lusa kemudian ditanam di kawasan tadika itu.

Pelajar-pelajar UPM turut membuat persembahan pendek untuk memberikan kesedaran mengenai kepentingan pokok kepada alam sekitar dan haiwan.

Aktiviti yang dijalankan itu berjaya menarik perhatian kanak-kanak itu.

Prof. Madya Dr. Rozi berkata, kanak-kanak seharusnya ditanamkan dengan semangat cintakan alam sekitar sejak kecil agar mewujudkan masyarakat yang mengambil berat dan mementingkan kesejahteraan dan melestarikan alam. – UPM

